

Kangar

Bagaikan pesta air dan itu yang dapat diungkapkan apabila sekitar 180 hingga 200 penduduk yang kebanyakannya nelayan dari Perlis dan Kedah berpusu-pusu 'berendam' pagi dan petang sekitar Pantai Kuala Sungai Baru, Simpang Empat, Kuala Perlis, di sini bagi mengutip mentarang.

Tanpa mengira usia dan jantina, kesemua mereka 'turun' ke kawasan laut berhampiran pantai itu dengan membekalkan bekas polistrin atau tong simpanan air yang diubahsuai menyelam beramai-ramai sambil menggagau mentarang di dasar laut.

Pantai di sekitar perairan Perlis bukanlah pantai rekreasi yang boleh dilakukan aktiviti mandi-manda disebabkan keadaan pesisiran pantainya yang berselut dan berlumpur, namun itu bukanlah penghalang kepada nelayan dan keluarga untuk bersama-sama mengutip siput dari spesies berkenaan.

Mentarang atau nama saintifiknya *Pholas orientalis* turut dijadikan pelbagai hidangan popular antaranya bakar, goreng tepung, sambal, masak lemak dan tumis cili api.

Media Perlis yang berpejuang menaiki bot bersama pemimpin setempat Simpang Empat, Nurulhisham Yaakob pada Sabtu lalu meninjau kehairahan mengutip mentarang dalam kalangan warga nelayan yang tidak dapat 'turun' ke laut berikutan musim tengkujuh dan menggunakan aktiviti berkenaan untuk menjana pendapatan.

SEBAHAGIAN penduduk yang rata-ratanya nelayan dari Perlis dan Kedah berendam di sekitar Pantai Kuala Sungai Baru untuk mencari mentarang.



200 PENDUDUK BERENDAM DI LAUT

'Pesta' selam mentarang

HM 27/12/2022 M: 23

Tinjauan mendapati aktiviti yang dipanggil 'selam mentarang' itu dilakukan antara 500 meter hingga 1.5 kilometer dari pesisiran Pantai Kuala Sungai Baru itu dan aktiviti ini kebanyakannya dilakukan golongan muda dari kawasan berkenaan.

Seorang nelayan, Mohd Yusof Ahmad, 40 dari Kuala Sungai Baru, Simpang Empat

berkata, kemeriahan ini mula dirasai sekitar empat hingga lima hari lalu apabila nelayan di kawasan itu memaklumkan spesies itu mulai boleh didapati di sekitar perairan Kuala Perlis ini.

"Jadi, kami mengambil peluang ini untuk 'turun' beramai-ramai ke kawasan

ini terutama dalam musim tengkujuh ini disebabkan kami tidak boleh ke laut untuk menangkap ikan.

"Aktiviti ini biasanya dilakukan pada musim angin timur sekitar Disember hingga Januari sahaja," katanya.

Menurutnya, mentarang ini hanya boleh dikutip ketika air surut antara jam 5 hingga 9 pagi dan sekitar 5 petang sehingga Maghrib, sekali gus menarik ramai nelayan termasuk dari Yan, Kedah untuk mengutip siput ini.

"Nak kutip siput ini kena ada caranya, jika air laut keruh keberadaan mentarang ini dapat dirasa dengan kaki.

"Jika air berada sekitar paras dada atau tengkuk, maknanya air sedang surut dan kita perlu menyelam untuk mengaganya," katanya.



PENDUDUK menyelam beberapa saat untuk mendapatkan mentarang di dasar.

Mohd Yusof berkata, walaupun berisiko untuk sangkut pada selut lumpur dasar laut, aktiviti ini sudah menjadi mata pencarian nelayan yang tidak dapat ke laut sepanjang tengkujuh. "Kami menyelam tidak menggunakan peralatan pernafasan apa-apa pun, cukup sekadar menahan nafas untuk beberapa saat untuk mengambil

mentarang di dasar. "Syukur Alhamdulillah, sekurang-kurangnya ada sedikit hasil buat kami kerana ia boleh dijual sendiri atau kepada peraih di Kuala Perlis dengan harga antara RM8 hingga RM10 sekilogram.

"Harga ini kemudian dijual kepada orang ramai sekitar RM11 hingga RM15 bagi sekilogram," katanya.

Sementara itu, pemimpin setempat, Nurulhisham Yaakob pula melihat aktiviti selam mentarang ini sekurang-kurangnya menjadi alternatif untuk menjana ekonomi penduduk di Kuala Sungai Baru dan sekitarnya terutama ketika musim tengkujuh.



HASIL kutipan mentarang yang berjaya dipungut di pantai Kuala Sungai Baru. - Gambar Bernama